A

Rattana Phinthong lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH BIL K-05–123–05 TAHUN 2014
AZIAH ALI, ZAKARIA SAM DAN AHMADI ASNAWI HHMR
20 JANUARI 2017

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan tuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama — Sama ada wujud kecacatan dalam dapatan ahli kimia — Sama ada dapatan ahli kimia boleh diterima — Sama ada beg yang mengandungi dadah milik perayu — Sama ada hakim bicara gagal menyatakan perbuatan mengedar dadah berdasarkan s 2 ADB — Sama ada kegagalan menyatakan perbuatan mengedar dadah memprejudiskan perayu — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 39B(1)(a) & (2) — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60(1)

D

E

Perayu telah dituduh dengan tuduhan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2,839.7g di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Di peringkat kes pendakwaan, pendakwa raya bergantung kepada keterangan pegawai kastam ('SP5'), pegawai kastam bahagian narkotik ('SP6'), pegawai penyiasat ('SP7') dan ahli kimia ('SP3'). Berdasarkan keterangan saksi-saksi, ketika mengimbas dan memeriksa beg milik perayu ('eksh P15'), SP5 telah menjumpai hablur kristal putih tersorok di bawah kepingan plastik tebal yang diletakkan didalam lapisan kain berzip di dasar beg tersebut. Hablur kristal putih tersebut kemudiannya disahkan oleh SP3 sebagai dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2,839.7g ('dadah tersebut'). Perayu mendakwa bahawa eksh P15 yang mengandungi dadah tersebut adalah bukan miliknya, namun, di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan perayu tidak boleh dipercayai dan seterusnya mensabitkan perayu bersalah dan menghukum perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara, perayu telah memfailkan rayuan ini. Alasan rayuan pertama yang dibangkitkan oleh perayu adalah wujud kecacatan dalam keterangan SP3 iaitu: (a) kegagalan SP3 menyatakan dalam 'worksheet' yang digunakan dalam analisanya bahawa bahan-bahan kristal tersebut telah dihomogenkan; (b) mata pisau pada pengisar yang digunakan untuk menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut telah tumpul dan keadaan ini telah menimbulkan keraguan sama ada hablur kristal yang dijumpai telah dikisar sehingga menjadi serbuk homogen untuk tujuan analisa; dan (c) SP3 tidak menggunakan ujian warna 'Simon' berdasarkan manual UNODC dalam menganalisa bahan-bahan kristal

F

G

H

I

tersebut. Alasan seterusnya yang dibangkitkan oleh perayu adalah berkaitan dengan isu SP5 tidak nampak siapa yang meletakkan eksh P15 tersebut di 'conveyor belt' ketika pemeriksaan dijalankan serta kemungkinan terdapatnya beberapa beg lain yang sama saiz, warna dan jenama dan bahawa perayu telah tersalah ambil beg atau tertukar dengan beg orang lain. Perayu juga berhujah bahawa hakim bicara telah gagal untuk menyatakan perbuatan atau perbuatan-perbuatan apa di bawah s 2 ADB yang telah dilakukan oleh perayu dalam mengedarkan dadah berkenaan. Perayu seterusnya berhujah bahawa hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal untuk mengambil kira keterangan suami perayu ('SB2') bahawa eksh P15 dan pakaian-pakaian di dalam beg tersebut bukan kepunyaan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu oleh Mahkamah Tinggi:

(1) Berdasarkan keterangan-keterangan, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa SP3 telah menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut semasa analisa walaupun perkara yang sama tidak dicatatkan dalam 'worksheet'. Tidak ada peraturan yang menetapkan 'worksheet' yang digunakan SP3 hendaklah mencatatkan segala proses analisa yang SP3 jalankan di dalam makmalnya dengan terperinci dari A hingga Z (lihat perenggan 51).

(2) Berkenaan dengan isu mata pisau pengisar yang dikatakan tumpul, mahkamah mendapati bahawa isu tersebut tidak mempunyai asas sama sekali dan merupakan spekulasi semata-mata kerana perayu gagal untuk memanggil pakar bagi mencabar dapatan SP3 bahawa bahan-bahan kristal tersebut telah berjaya dihomogenkan dengan menggunakan pengisar 'Summet' (lihat perenggan 55).

(3) Berkaitan dengan kegagalan SP3 untuk menggunakan ujian 'Simon', mahkamah mendapati tiada sebarang kecacatan dalam hasil analisa SP3 dengan menggunakan ujian 'Marquise'. Manual UNODC hanya mengesyorkan pilihan-pilihan yang boleh diambil untuk ujian warna, maka terpulanglah kepada ahli kimia atau Jabatan Kimia untuk memilih ujian yang hendak dipakai atau digunakan. Hakim bicara tidak terkhilaf dalam menerima masuk keterangan dan dapatan SP3 kerana perayu telah gagal untuk mengetengahkan pakar atau ahli kimia lain untuk mencabar keterangan dan dapatan SP3 (lihat perenggan 60 & 62).

(4) Adalah tidak munasabah untuk perayu mengambil eksh P15 di 'conveyor belt' dan mengakui bahawa eksh P15 tersebut adalah kepunyaannya kerana seseorang yang munasabah akan meneliti betul-betul beg tersebut sebelum mengakui bahawa beg tersebut miliknya. Tindakan perayu membuka zip beg, mengosongkan isi kandungan beg dan seterusnya membawa beg tersebut untuk diimbas kali kedua memperkuatkan lagi kes pendakwaan bahawa beg tersebut adalah beg kepunyaan perayu.

Selain itu, ujian acu pakai pakaian-pakaian dari dalam beg tersebut ke atas perayu menunjukkan ia muat elok-elok dengan saiz badan perayu. Fakta-fakta tersebut merupakan keterangan sokongan yang kukuh untuk mengaitkan perayu dengan keempunyaan beg tersebut (lihat perenggan 67–69).

(5) Hakim bicara telah gagal untuk menyatakan perbuatan atau perbuatan-perbuatan apa di bawah s 2 ADB yang telah dilakukan oleh perayu dalam mengedarkan dadah berkenaan, namun perayu tidak terprejudis dengan kegagalan tersebut memandangkan perayu mengetahui inti pati yang telah dibuktikan oleh pendakwaan di peringkat kes prima facie dan telah mengolah pembelaannya dengan baik. Mahkamah bersetuju dengan keputusan hakim bicara untuk menolak pembelaan perayu dan mahkamah juga berpuas hati bahawa keterangan adalah 'overwhelming' bahawa perayu mengedar dadah tersebut. Berdasarkan proviso kepada s 60(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan keputusan kes *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613, mahkamah mendapati bahawa sabitan ke atas perayu adalah selamat (lihat perenggan 70 & 75–76).

(6) Jika eksh P15 bukan beg milik perayu, perayu tidak pula memberi keterangan apa terjadi kepada begnya dan tidak juga membawa pegawai-pegawai kastam yang relevan untuk menunjukkan beg tersebut atau mencari beg tersebut. Isu bahawa beg milik perayu tertukar dengan orang lain tidak pernah dicadangkan kepada SP5, SP6 dan SP7. Ia timbul pertama kali di peringkat pembelaan. Dalam keadaan sedemikian ia mengundang tanggapan bahawa pembelaan tersebut adalah satu 'afterthought' ataupun rekaan oleh perayu semata-mata (lihat perenggan 78–79).

[English summary

The appellant was charged for trafficking in 2,839.7g of methamphetamine, under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'), punishable under s 39B(2) of the same Act. During the prosecution case, the prosecutor relied on the evidence of the customs officer ('SP5'), the narcotics customs officer ('SP6'), the investigating officer ('SP7') and the chemist ('SP3'). Based on the evidence of the witnesses, while scanning and checking the appellant's bag ('exh P15'), SP5 found white crystalline substances hidden under a few thick pieces of plastic placed in a zipped cloth at the bottom of the bag. The white crystalline substance was later confirmed by SP3 to be 2,839.7g of methamphetamine ('the said drugs'). The appellant submitted that exh P15 which contained the said drugs were not his. However, at the close of the defence case, the trial judge held that the appellant's defence was not credible and proceeded to convict and sentence the appellant. Dissatisfied with the trial judge's decision, the appellant filed the present appeal. The first ground raised by the appellant was there was a flaw in SP3's testimony, namely (a) SP3's

failure to state in the worksheet used in his analysis that the crystal substances were homogenised; (b) the blade on the bender used to homogenised the crystalline substances was blunt and this caused suspicion to the crystalline substances found had been blended before it became a homogenised crystalline substance for the purpose of analysis; and (c) SP3 did not use the Simon colour test based on the UNODC manual in analysing the said crystalline substances. The next ground raised by the appellant was on the issue of SP5 not seeing who placed exh P15 on the conveyor belt when the analysis was carried out and there was a possibility that there were few other bags of similar size, colour and brand and the appellant accidentally took the beg or mistook someone else's, The appellant further submitted that the trial judge failed to state that the act or acts under s 2 of the DDA committed by the appellant in trafficking the said drugs. The appellant further submitted that the trial judge misdirected himself when His Lordship failed to take into account the statement of the appellant's husband ('SB2') that exh P15 and the cloths in the bag did not belong to the appellant.

Held, dismissing the appellant's appeal:

(1) Based on the testimonies, the court agreed with the findings of the trial judge that SP3 had homogenised the crystalline during analysis even though the same was not listed in the 'worksheet'. There was no rule that required the 'worksheet' used by SP3 must record the analysis process ran by SP3 in his lab in detail from A to Z (see para 51).

(2) With respect to the issue of the alleged blunt blade, the court found that the issue bore no merit at all and was mere speculation because the appellant failed to call an expert to challenge SP3's finding that the crystalline substances were successfully homogenised using a 'Summet' blender (see para 55).

(3) In connection to the failure of SP3 to use the 'Simon' test, the court found no defect in SP3's analysis by using the 'Marquise' test. The UNODC manual only recommends options that could be taken to test for colour; it is then up to the chemist or chemistry department to select the test to be applied or used. The trial judge had not erred in admitting SP3's evidence and findings as the appellant failed to call experts or other chemists to challenge the evidence and findings of SP3 (see paras 60 & 62).

(4) It was not reasonable for the appellant to take exh P15 in the 'conveyor belt' and admit that exh P15 was his as a reasonable person would scrutinise the bag before admitting that the bag was his. The appellant's act of unzipping the bag, emptying the contents of the bag and taking the bag for second scanning further strengthened the prosecution case that the bag belonged to the appellant. Furthermore, the wear-fit test of the clothes in the bag showed that the clothes fitted the appellant perfectly.

These facts constituted strong evidence to connect the appellant to the ownership of the bag (see paras 67–69).

(5) The trial judge failed to state what was the act or what were the acts under s 2 of the DDA which was/were committed by the appellant in trafficking the drugs. However, the appellant was not prejudiced by such failures as the appellant knew the essence which has been proved by the prosecution at prima facie stage and had orchestrated their defence properly. The court agreed with the trial judge's decision to dismiss the defence of the appellant and the court was satisfied that the evidence was 'overwhelming' that the appellant was trafficking drugs. Under the proviso to s 60(1) of the Courts of Judicature Act 1964 and the case of *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613, the court found that the conviction of the appellant was safe (see paras 70 & 75–76).

(6) If exh P15 was not a bag belonging to the appellant, the appellant did not even testify about what happened to her bag and did not even lead the relevant customs officers to show the bag or find the bag. The issues that the bag belonging to the appellant was mistakenly exchanged with someone else's was never suggested to SP5, SP6 and SP7. It was raised for the first time during the defence stage. In such circumstances, it invoked the assumption that the defence was an 'afterthought or mere fiction by the appellant (see paras 78–79).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 42–83.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)
Ilham Saputra bin Zainal Abidin v PP [2014] 3 MLJ 419, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)
PP v Lam San [1991] 3 MLJ 426, MA (dirujuk)
Samundee Devan a/l Kerishnan Muthu v PP [2009] 1 MLJ 697, MR (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 39B(2), Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 s 103
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60(1)
Akta Racun 1952
Kanun Tatacara Jenayah s 402B

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah Bil 45A-80–012 Tahun 2012 (Mahkamah Tinggi, Alor Setar)

G Ravishankar (R Shankar Gandhi & Assoc) bagi pihak perayu.
Mazelan Jamaludin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Di Mahkamah Tinggi Alor Setar, perayu telah dipertuduh dengan pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 3 Ogos 2012, jam lebih kurang 2.30 petang, di Unit Khas Penumpang, Laluan Bas/Pejalan Kaki, Kompleks Imigresen, Bukit Kayu Hitam, di dalam Daerah Kubang Pasu, di dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 2839.7 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir kes pembelaan, Mahkamah Tinggi telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Perayu didapati bersalah, disabitkan dan telah dikenakan hukuman gantung sampai mati.

[3] Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Kami mendapati rayuan perayu tidak mempunyai merit. Dengan itu kami menolak rayuan perayu seraya mengesahkan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi ke atasnya.

[4] Sekarang kami perturunkan alasan-alasan kami.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Pada 3 Ogos 2012, SP5 (Pegawai Kastam Mad Saberi bin Jaafar) bertugas mengendalikan mesin pengimbas kastam di laluan pemeriksaan bas dan pejalan kaki, Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam, Kedah.

[6] Pada kira-kira jam 12.30 tengah hari, beliau telah mengimbas satu beg pakaian (eksh 'P15'), milik perayu. Beliau mendapati imej yang dihasilkan dari imbasan ke atas beg tersebut mencurigakan.

[7] Apabila perayu mengambil beg P15 tersebut (beg besar warna coklat, beroda tarik, berjenama 'Tribal Man') di 'conveyor belt' mesin pengimbas, SP5 telah mengarahkan perayu supaya membawa beg tersebut ke meja

pemeriksaan, yang bersambung dengan meja mesin pengimbas dan 'conveyor belt', untuk diperiksa dengan lebih terperinci. A

[8] Di meja pemeriksaan, selain meminta passport perayu, SP5 telah bertanya dalam Bahasa Inggeris 'is this your bag?' SP5 melihat perayu menganggukkan kepalanya. B

[9] Atas arahan SP5, perayu telah membuka beg tersebut yang tidak berkunci. SP5 mendapati beg tersebut berisi pakaian seperti ditunjukkan dalam gambar-gambar eksh P1(14), (15) dan (24), di ms 331 dan 337, Jld 2, rekod rayuan ('RR'). C

[10] Semasa menekan-nekan bahagian dasar beg tersebut, SP5 mendapati seperti ada sesuatu disorokkan di situ. D

[11] Beg tersebut kemudiannya telah dikosongkan oleh perayu atas arahan SP5. Selepas beg dikosongkan, SP5 melihat ada lapisan kain berzip di dasar beg tersebut. Beliau telah membuka zip tersebut dan mendapati di bawahnya terdapat sekeping poliform warna putih. Setelah poliform tersebut diselak, beliau mendapati satu lapisan kepingan plastik tebal berwarna kelabu. Beliau merasai ada sesuatu di bawah lapisan plastik tebal tersebut apabila lapisan plastik tersebut ditekan-tekan. E

[12] SP5 kemudiannya mengarahkan supaya perayu mengimbas semula beg tersebut. Imej imbasan menunjukkan wujudnya empat bungkusan di bawah lapisan plastik tebal di dasar beg tersebut. F

[13] Pada ketika itu (imbasan kedua) SP5 mendapati perayu dalam keadaan cemas. G

[14] SP5 seterusnya telah menahan perayu bersama beg P15. Perayu berserta dengan beg P15 tersebut kemudiannya telah dibawa ke Pejabat Cawangan Penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai dari cawangan tersebut. Perayu dan beg P15 tersebut berada di bawah kawalan pegawai-pegawai tersebut sehinggalah kes diambil alih oleh Cawangan Narkotik, Pejabat Kastam, Alor Setar. H

[15] SP6 (PI KK Azizan bin Abdullah) yang mengetuai pasukan dari Cawangan Narkotik tiba di Pejabat Penguatkuasaan pada kira-kira jam 2.30 petang. Perayu dan beg P15 telah diserahkan kepada beliau setelah diberi taklimat oleh SP5. I

[16] Setelah SP6 mengopak kepingan plastik tebal warna kelabu yang terdapat di dasar beg P15 tersebut, beliau mendapati paket-paket plastik lut sinar berwarna putih yang mengandungi hablur kristal putih tersorok di bawah kepingan plastik tebal tersebut.

[17] SP6 kemudiannya telah memasukkan semula semua barang-barang yang dikeluarkan dari beg P15 tersebut dan menutup semula beg tersebut lalu membawa perayu dan beg P15 tersebut ke Cawangan Narkotik Pejabat Kastam di Alor Setar untuk pemeriksaan lanjut.

[18] Pemeriksaan lanjut ke atas beg P15 tersebut oleh SP6 di Pejabat Cawangan Narkotik membawa kepada penemuan empat bungkusan plastik lut sinar yang mengandungi serbuk kristal berwarna putih disyaki dadah berbahaya di bawah lapisan kepingan plastik tebal warna kelabu di dasar beg tersebut. SP6 telah menandakan keempat-empat bungkusan ini dengan tandaan-tandaan E1, E2, E3 dan E4 berserta dengan tarikh 3 Ogos 2012 dan tandatangannya (eksh 'P18', 'P19', 'P20', 'P21').

[19] Pada kira-kira jam 10 malam, SP6 telah menyerahkan perayu, empat bungkusan bertanda E1–E4 yang disyaki mengandungi dadah dan barang-barang rampasan yang lain kepada pegawai penyiasat, SP7 (Penguasa Kastam Jayadevan Naidu a/l Ponnusamy) melalui borang serahan kes (eksh P9 di ms 378–381, Jld 2, RR) berserta dengan borang bongkar (eksh P10 di ms 382–386, Jld 2, RR).

[20] SP7 kemudiannya telah menghantar empat bungkusan bertanda E1–E4 yang mengandungi bahan disyaki dadah tersebut kepada ahli kimia, SP3 (Mahayani bt Md Saad), untuk dicerakinkan. SP3 mengesahkan bahawa bahan serbuk kristal warna putih di dalam keempat-empat bungkusan plastik lut sinar tersebut adalah methamphetamine seberat 2839.7g ('dadah berkenaan') dan methamphetamine adalah dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952').

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[21] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P15 yang mengandungi dadah berkenaan. Dalam keadaan sedemikian pihak pendakwa boleh bergantung kepada anggapan statutori di bawah s 37(d) ADB 1952, bagi membuktikan perayu mempunyai pemilikan dan pengetahuan ke atas dadah tersebut.

[22] Hakim bicara yang bijaksana juga mendapati bahawa berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan, perayu sedang melakukan perbuatan

yang terjumlah kepada perbuatan mengedar dadah berbahaya di bawah s 2 ADB 1952.

[23] Dengan demikian perayu telah dipanggil untuk membela diri di bawah pertuduhan yang dikenakan ke atas beliau setelah hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie ke atas perayu.

KES PEMBELAAN

[24] Perayu telah memberi kenyataan secara bersumpah.

[25] Perayu mengakui beliau telah ditahan oleh pihak kastam pada 3 Ogos 2012.

[26] Perayu menyatakan tujuannya datang ke Malaysia pada 3 Ogos 2012 adalah untuk membeli barang-barang keagamaan seperti telekung, kain sejadah, tudung dan pakaian muslimah. Beliau pernah datang ke Malaysia untuk tujuan yang sama pada bulan Ogos 2011 dan bulan Januari 2012. Barang-barang tersebut dibeli di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur.

[27] Perayu menyatakan pada 3 Ogos 2012 beliau datang ke Malaysia dengan membawa sebuah beg seakan-akan beg P15 dan sebuah beg galas. Beg P15 tidak mempunyai apa-apa nama atau tanda pengenalan bahawa beg P15 adalah miliknya.

[28] Perayu mengaku pernah ditanya oleh seorang pegawai kastam sama ada bag P15 adalah kepunyaannya dan beliau telah mengangguk. Menurutnya beliau mengangguk kerana nampak beg P15 seakan-akan beg miliknya.

[29] Perayu menyatakan setelah beliau membuka beg P15 seperti diarahkan oleh pegawai kastam, beliau mendapati pakaian-pakaian dalam beg tersebut bukan miliknya. Beliau menyatakan begnya mengandungi tudung, telekung, sejadah, baju berlengan panjang dan seluar panjang dan sebuah beg berisi alat-alat solek, sikat, pengecas telefon bimbit dan kain sarung yang dipakai untuk tidur.

[30] Perayu seterusnya menyatakan dia memakai pakaian bersaiz XL dan pakaian-pakaian dalam gambar eksh P1(24) bukan miliknya.

[31] Perayu mengakui bahawa pegawai kastam ada mengarahkannya untuk mengeluarkan kesemua barang-barang dalam beg P15 dan menyuruhnya

A mengimbas kembali beg P15. Beliau merasa takut ketika proses mengimbas kembali beg P15 kerana beg tersebut bukan miliknya.

[32] Setelah beg P15 diimbas semula, perayu disuruh oleh pegawai kastam untuk menunggu seketika dan beliau akan dibawa ke pejabat.

B

[33] Perayu tidak mengaku barang-barang dalam gambar P1(12)–(13) dan (15) adalah kepunyaannya. Beliau hanya mengakui barang-barang dalam gambar P1(16) dan (17) adalah kepunyaannya.

C

[34] Perayu menyatakan beliau diberitahu tentang bungkusan-bungkusan mengandungi bahan disyaki dadah (bertanda A–E) di pejabat kastam pada hari beliau ditangkap dan nampak bungkusan-bungkusan tersebut di pejabat kastam.

D

[35] Perayu turut menyatakan beliau tidak membawa beg P15 daripada Bangkok dan tidak tahu apa yang terjadi pada beg asalnya walaupun beliau menyatakan ada membawa begnya sendiri ketika sampai di Bukit Kayu Hitam sebelum ke tempat pemeriksaan kastam dan beliau telah meletakkan beg tersebut di 'conveyor belt' mesin pengimbas.

E

[36] Asas pembelaan perayu adalah beg P15 yang mengandungi dadah berkenaan bukan miliknya. Pada hari kejadian, beliau datang dari Thailand membawa sebuah beg yang sama seperti beg P15 dan beg beliau telah bertukar dengan beg seseorang yang lain kerana dalam beg yang dibawa oleh beliau terdapat tudung, telekung dan sejadah, sedangkan dalam beg P15 tersebut tidak terdapat barang-barang tersebut. Beliau hanya menyedari pertukaran tersebut setelah beliau disuruh membuka beg tersebut oleh Pegawai Kastam.

F

G

[37] Walau bagaimanapun perayu tidak dapat menyatakan dengan siapakah beg beliau tertukar dan di mana beg tersebut telah tertukar.

[38] Suami perayu, SB2 ('Prayut Phintong') menyatakan mereka beragama Islam dan semasa di Thailand perayu sentiasa bertudung dan memakai pakaian Islam. Beliau menyatakan boleh mengecam semua pakaian perayu dan menyatakan tidak ada satu pun pakaian-pakaian dalam beg P15 milik perayu. Perayu memakai pakaian bersaiz XL.

H

I

[39] SB2 turut menyatakan perayu ditangkap di Malaysia pada 3 Ogos 2012 dan pada hari itu perayu datang ke Malaysia untuk membeli pakaian-pakaian Muslim untuk dijual semula di Thailand. Ini kerana pakaian-pakaian di Malaysia lebih murah dan jika dijual di Thailand akan mendapat keuntungan yang lebih.

[40] SB2 turut menyatakan perayu pernah datang ke Malaysia sebanyak dua kali sebelum 3 Ogos 2012 untuk membeli pakaian-pakaian Muslim, iaitu pada bulan Ogos 2011 dan bulan Januari 2012.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

[41] Hakim bicara yang bijaksana mendapati pembelaan perayu bahawa beg P15 bukan beg beliau dan telah tertukar dengan beg orang lain tidak boleh dipercayai. Beliau mendapati keterangan SP5 bahawa perayu mengakui beg tersebut adalah begnya adalah satu keterangan mengenai tingkah laku yang relevan untuk membuktikan bahawa beg P15 tersebut adalah beg perayu. Perayu gagal untuk mematahkan anggapan statutori di bawah s 37(d) ADB 1952 yang terpakai ke atas beliau iaitu beliau dianggap mempunyai milikan dan pengetahuan ke atas dadah yang terkandung dalam beg P15 tersebut yang sentiasa berada di bawah kawalan atau jagaan perayu.

[42] Hakim bicara juga mendapati perayu tidak mengemukakan apa-apa keterangan bagi menimbulkan keraguan yang munasabah atas dapatan prima facie bahawa beliau sedang melakukan perbuatan mengedar dadah berkenaan menurut tafsiran di bawah s 2 Akta yang sama ketika ditangkap.

[43] Berasaskan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan seperti mana dipertuduhkan dan seterusnya dihukum gantung di leher sampai mati menurut s 39B(2) ADB 1952.

RAYUAN PERAYU DI HADAPAN KAMI

[44] Perayu mengasaskan rayuan di atas alasan-alasan berikut:

(a) wujud kecacatan dalam keterangan ahli kimia, SP3. Dihujahkan oleh peguambela yang bijaksana bahawa dalam laporan kimia (eksh P8 di ms 372, Jld 2, RR), SP3 menyatakan bahawa bahan-bahan kristal tersebut telah dihomogenkan semasa dianalisa namun perkara yang sama gagal dinyatakan oleh SP3 dalam 'worksheet yang beliau gunakan dalam analisanya (eksh D1 di ms 351–436, Jld 2, RR). Peguambela lantas menghujahkan bahawa SP3 sebenarnya tidak menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut semasa menganalisa bahan-bahan tersebut. Secara alternatif, dihujahkan bahawa jikapun SP3 telah menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut semasa analisa dijalankan, mata pisau *(blade)* pada pengisar *(blender)* yang digunakan untuk menghomogenkan bahan-bahan tersebut telah tumpul dan tidak ada piawaian ditetapkan untuk menentukan standard ketajaman mata

pisau pengisar yang digunakan untuk menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut. Ini telah menimbulkan keraguan sama ada kandungan dalam paket E1–E4 telah dikisar sehingga menjadi serbuk homogen untuk tujuan analisa.

Selanjutnya dihujahkan bahawa SP3 tidak menggunakan ujian warna *Simon* dalam menganalisa bahan-bahan kristal tersebut, seperti diakui oleh SP3 sendiri. Kegagalan ini adalah *fatal* kerana tidak mematuhi piawaian yang disyorkan *(recommended)* oleh UNODC. Dihujahkan selanjutnya bahawa dengan itu PW3 tidak menggunakan ujian yang betul dalam dapatannya bahawa bahan-bahan kristal tersebut adalah dadah berbahaya. Ini telah mewujudkan keraguan sama ada bahan-bahan tersebut adalah methamphetamine seperti didefinisikan dalam ADB 1952.

Pada akhirnya, dihujahkan bahawa SP3 bersetuju methampethamine adalah bahan racun yang turut disenaraikan dalam Akta Racun 1952. Namun SP3 gagal untuk menyatakan perkara yang sama dalam laporan kimia atau pun 'worksheet' yang disediakan olehnya. Maka dihujahkan hakim bicara sepatutnya membuat 'a lower finding' bahawa kesalahan yang dilakukan oleh perayu terjumlah di bawah kes Akta Racun 1952 dan seterusnya pertuduhan ke atas perayu dipinda dengan sewajarnya;

(b) wujud salah arahan dalam dapatan-dapatan hakim bicara yang bijaksana. Dihujahkan oleh peguambela yang bijaksana bahawa hakim bicara gagal untuk mengambil kira bahawa SP5 tidak nampak siapa yang meletakkan beg P15 tersebut di 'conveyor belt'; juga SP5 tidak nampak sama ada perayulah yang telah meletakkan beg tersebut di 'conveyor belt'. Seterusnya SP5 bersetuju wujud kemungkinan terdapat beberapa beg lain yang sama warna, sama saiz dan sama jenama dengan beg P15. Beg P15 tersebut juga tidak mempunyai tanda nama untuk mengaitkan pemunyaannya ke atas perayu, beg tidak berkunci dan tidak ada sebarang kunci beg dirampas dari perayu dan, perayu ditangkap hanya kerana beliau mengambil beg tersebut di 'conveyor belt' selepas beg tersebut diimbas. Namun hakim bicara gagal untuk mengambil kira keterangan perayu bahawa beliau telah tersalah ambil beg tersebut dan beg tersebut bukan kepunyaannya kerana tidak mengandungi pakaian-pakaian kepunyaannya khususnya tudung, telekung, sejadah, baju tidur dan kain sarung;

(c) hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal untuk mengenal pasti atau menjelaskan perbuatan apakah di bawah s 2 ADB 1952 yang telah dilakukan oleh perayu dalam memperedarkan dadah berkenaan; dan

(d) hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal untuk mengambil kira keterangan SB2 bahawa beg P15 dan pakaian-pakaian di dalam beg tersebut bukan kepunyaan perayu dan bahawa beg tersebut tidak

mengandungi tudung, telekung, sejadah, baju tidur dan kain sarung yang biasa dibawa oleh perayu apabila perayu bermusafir. Juga walaupun dua telefon bimbit telah dirampas, namun tidak ada 'phone charger' ditemui dalam beg tersebut.

KEPUTUSAN KAMI

Alasan pertama

[45] Berkaitan dengan isu 'worksheet' (eksh D1 di ms 351–436, Jld 2, RR) yang digunakan oleh SP3 dalam analisanya yang tidak mencatitkan bahawa keempat-empat bungkusan (E1–E4) telah dikisar *(homogenised)*, pada hemat kami ia tidak memberi kesan ke atas keterangan yang telah diberikan oleh SP3 mahu pun kes pendakwaan secara amnya.

[46] Pihak pendakwaan bergantung kepada laporan kimia (eksh P8 di ms 372, Jld 2, RR) yang disediakan oleh SP3, kenyataan saksi ('SP3') di bawah s 402B Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') (eksh P7 di ms 343–350, Jld 2, RR) dan kenyataan lisan SP3 ketika disoal balas oleh peguambela yang bijaksana untuk membuktikan bahawa bahan-bahan kristal yang dirampas dari perayu dalam bungkusan-bungkusan bertanda E1–E4 telah dikisar oleh SP3 semasa analisa dijalankan dan bahawa bahan-bahan tersebut adalah methamphetamine seperti didefinisikan dalam ADB 1952.

[47] Kami telah meneliti kenyataan saksi SP3. Di perenggan 24, SP3 menyatakan selepas menimbang keempat-empat bungkusan (E1–E4) tersebut, beliau telah mengisar kesemua bahan kristal dari keempat-empat bungkusan tersebut secara berasingan sehingga menjadi serbuk yang homogen. Selepas itu, seperti dihuraikan di perenggan 25, beliau telah menjalankan tiga ujian ke atas keempat-empat serbuk yang homogen tersebut iaitu ujian pertama — ujian warna *marquis*; ujian kedua — ujian gas *chromatography mass spectrometry* ('GCMS'); dan ujian ketiga — ujian gas *chromatography* ('GC').

[48] Laporan kimia yang disediakan oleh SP3 (eksh 'P8') di ms 374, Jld 2, RR) secara nyata dan jelas menyatakan '... semua bahan tersebut telah dijadikan serbuk yang homogen semasa dianalisa ...'.

[49] Kami berpendapat tidak wujud sebarang percanggahan dalam kenyataan saksi SP3 ('P7'), laporan kimia ('P8') dan 'worksheet' yang digunakan oleh SP3 ('D1'). Walaupun SP3 bersetuju tidak ada catatan di mana-mana dalam 'worksheet' eksh D1 yang menunjukkan kandungan dalam bungkusan E1–E4 telah dikisar untuk menjadikan bahan tersebut homogen, namun beliau tidak bersetuju dengan cadangan peguambela yang bijaksana

bahawa beliau tidak pernah mengisar kandungan dalam bungkusan E1–E4 untuk menjadikan serbuk yang homogen.

[50] Semasa disoal balas SP3 turut menyatakan, di ms 18, Jld 1, RR:

> A: Saya buat analisa secara serentak tetapi secara berasingan.
>
> Semasa menjalankan proses timbangan, saya jalankan ke atas bungkusan E1, E2, E3 dan E4. Setelah selesai proses timbangan, saya ke langkah seterusnya iaitu mengisar dan saya jalankan membikut *(sic)* turutan yang sama iaitu bungkusan E1, E2, E3 dan E4. Begitulah seterusnya untuk semua analisa yang saya jalankan.

[51] Berdasarkan kepada keterangan-keterangan seperti diperincikan di atas, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana yang mendapati bahawa SP3 telah menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut dan telah menerangkan proses homogen yang telah beliau jalankan sebelum ketiga-tiga ujian dilaksanakan. Sememangnya bahan- bahan tersebut perlu dijadikan homogen semasa ketiga-tiga ujian dijalankan dan proses ini adalah sebahagian dari proses analisis secara keseluruhan — lihat perenggan 12, di ms 147, Jld 1, RR. Kami bersependapat dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana bahawa SP3 telah menghomogenkan bahan-bahan kristal tersebut semasa analisa walaupun perkara yang sama tidak dicatatkan dalam 'worksheet' (eksh D1) yang beliau gunakan dalam analisa tersebut. Tidak ada peraturan yang menetapkan 'worksheet' yang digunakan oleh SP3 hendaklah mencatatkan segala proses analisa yang SP3 jalankan di dalam makmalnya dengan terperinci *(in minute details)* dari A–Z. Jabatan SP3 sendiri tidak menetapkan standard prosedur kerja yang sedemikian. 'Worksheet' tersebut adalah untuk kegunaan SP3 sendiri dan apa yang hendak dicatatkan di dalamnya adalah urusannya sendiri.

[52] Berkaitan dengan isu mata pisau yang dikatakan tumpul dan telah menimbulkan persoalan sama ada bahan kristal tersebut telah dikisar sehingga menjadi serbuk homogen untuk tujuan analisa, SP3 menyatakan semasa disoal balas, pengisar yang digunakan oleh jabatannya adalah jenis 'Summet' buatan India di mana mata pisaunya *(blade)* boleh dikeluarkan untuk dicuci dan ditukar baru jika perlu.

[53] SP3 turut bersetuju bahawa kejayaan untuk menghomogenkan bahan-bahan dalam bungkusan E1–E4 adalah bergantung kepada ketajaman mata pisau. Beliau turut bersetuju Jabatan Kimia Malaysia tidak ada piawaian untuk menentukan ketajaman mata pisau tersebut.

[54] Walau bagaimanapun SP3 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela yang bijaksana bahawa bahan kristal dalam bungkusan E1–E4 yang dikisar dengan pengisar 'Summet', tidak boleh menghasilkan serbuk yang homogen.

[55] Pada hemat kami hujahan peguambela yang bijaksana berkaitan dengan isu ini tidak mempunyai asas sama sekali. Ia hanya merupakan spekulasi semata-mata. Perayu perlu memanggil seorang pakar untuk mencabar dapatan SP3 bahawa bahan-bahan kristal tersebut telah berjaya dihomogenkan dengan menggunakan pengisar 'Summet' tersebut. Oleh kerana perayu gagal untuk memanggil pakar bagi mencabar keterangan dan dapatan SP3 dan bagi memberi penjelasan tentang isu ini dari perspektif pihak pembelaan, maka dapatan SP3 sewajarnya di terima sebagai satu keterangan yang 'uncontroverted'. Adalah tidak mencukupi untuk pihak pembelaan mencabar keterangan SP3 hanya dengan soalan-soalan balas yang berbentuk hypothetical dan spekulatif semata-mata. Cabaran ke atas keterangan dan dapatan SP3 hanya boleh dilakukan oleh seorang pakar yang lain.

[56] Oleh kerana tidak ada keterangan *rebuttal* dikemukakan, kami berpuas hati bahawa analisa yang dijalankan oleh SP3 khususnya proses homogenisasi bahan-bahan tersebut dengan menggunakan pengisar 'Summet' tersebut tidak mengalami kecacatan *(infirmities)* yang sedemikian rupa.

[57] Perayu mencabar dapatan SP3 seperti di atas kerana sebahagian daripada kaedah analisanya adalah bergantung kepada ujian warna *marquis*. Perayu menyatakan kegagalan SP3 untuk menggunakan ujian *simon* adalah fatal kerana tidak mematuhi piawaian yang disyorkan oleh UNODC dan oleh kerana SP3 tidak menggunakan ujian yang betul dalam analisanya, ini telah menimbulkan keraguan sama ada bahan-bahan tersebut adalah methamphetamine seperti didefinisikan dalam ADB 1952.

[58] Berkenaan dengan ujian warna, SP3 bersetuju manual UNODC mengesyorkan tiga ujian iaitu *marquis, simon* dan *chen*. Beliau bersetuju tidak menggunakan ujian *simon* untuk ujian warna tetapi telah menggunakan ujian *marquis* dan warna yang dihasilkan adalah warna oren kecoklatan yang menunjukkan kehadiran methamphetamine dalam bahan-bahan kristal tersebut.

[59] Beliau tidak bersetuju dengan cadangan peguambela yang bijaksana bahawa jika ujian *marquis* digunakan, warna yang dihasilkan adalah warna 'brown'. Beliau turut menyatakan penghasilan warna 'brown' akan bergantung kepada berapa banyak sampel yang diletakkan. Jika sampel yang diletakkan di tahap mencukupi sahaja, ia akan menghasilkan warna oren kecoklatan.

[60] Kami tidak nampak cacat celanya dengan pilihan SP3 yang memilih untuk menggunakan ujian *marquis*. Dalam kes *Ilham Saputra bin Zainal Abidin v Public Prosecutor* [2014] 3 MLJ 419, ahli kimia hanya menggunakan kaedah ujian warna *marquis*, ujian GCMS dan GC. Namun sabitan ke atas perayu telah dikekalkan dan disahkan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Kegagalan ahli kimia untuk menggunakan ujian warna *simon* tidak menjadi isu. Demikian juga kami tidak nampak sebarang kecacatan dalam hasil analisa yang dilakukan oleh SP3 dengan menggunakan ujian *marquis* tersebut. UNODC hanya mengesyorkan pilihan-pilihan yang boleh diambil untuk ujian warna. Maka terpulanglah kepada ahli kimia atau jabatan kimia untuk memilih mana satu dari tiga ujian warna tersebut yang hendak dipakai atau digunakan. Tidak ada di mana-mana, hatta dalam manual itu sendiri yang menyatakan ahli kimia mestilah menggunakan ujian *simon* untuk ujian warna atau pun ujian *simon* adalah ujian yang terbaik di antara ketiga-tiga ujian warna tersebut. Lagi pun ujian warna semata-mata tidak memberikan hasil analisa yang konklusif bahawa bahan-bahan tersebut adalah dadah methamphetamine atau mengandungi dadah methamphetamine. Untuk memperolehi keputusan yang konklusif, kaedah analisa SP3 merangkumi dua ujian lain, iaitu ujian GCMS untuk mengesahkan kehadiran methamphetamine dan ujian GC untuk menentukan peratus kandungan methamphetamine di dalam bahan-bahan yang telah dihomogenkan dari bungkusan-bungkusan bertanda E1–E4 tersebut — lihat perenggan 27–29, kenyataan saksi SP3 (eksh P7) di ms 347–348, Jld 2, RR.

[61] Setelah melaksanakan ketiga-tiga ujian tersebut, SP3 mendapati bahan-bahan kristal dalam keempat-empat bungkusan plastik bertanda E1–E4 mengandungi methamphetamine yang di senaraikan dalam Jadual Pertama ADB 1952 — lihat perenggan 30 di ms 349, Jld 2, RR.

[62] Bebanannya sekarang berpindah kepada perayu untuk membuktikan cabarannya menurut s 103 Akta Keterangan 1950. Maka perayu perlu mengemukakan saksi-saksi atau pakar/ahli kimia lain untuk mematahkan dan mencabar dapatan SP3 tersebut khususnya bahawa ujian-ujian yang telah dijalankan oleh SP3 adalah tidak betul dan hasil ujian-ujian tersebut juga tidak betul. SP3 adalah seorang pakar dan hanya seorang pakar yang lain sahaja yang boleh menyangkal atau mencabar kaedah analisa dan dapatan analisa SP3 — lihat perenggan-perenggan 19–20, 26, 28–30 kes *Samundee Devan a/l Kerishnan Muthu v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 697. Namun oleh kerana perayu gagal untuk mengetengahkan pakar/ahli kimia lain untuk mencabar keterangan dan dapatan SP3, maka sewajarnya keterangan dan dapatan SP3 diterima masuk sebagai keterangan. Itulah keputusan hakim bicara yang bijaksana dan beliau tidak khilaf dalam tindakannya.

[63] Kami juga bergantung kepada kes *Munusamy v Public Prosecutor*

[1987] 1 MLJ 492 dan *Public Prosecutor v Lam San* [1991] 3 MLJ 426. Dalam kes *Munusamy*, Mahkamah Agong telah memutuskan:

> In this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of the substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.

[64] Berkaitan dengan isu sama ada hakim bicara sewajarnya meminda pertuduhan pengedaran dadah berbahaya di bawah ADB 1952, kepada suatu pertuduhan di bawah Akta Racun 1952, kerana SP3 turut menyatakan methamphetamine yang sama turut disenaraikan di bawah Akta yang sama, pada hemat kami perkara ini tidak berbangkit. Ini kerana SP3 dengan jelas mengesahkan bahan yang diujinya adalah methamphetamine seperti yang tersenarai dalam Jadual Pertama ADB 1952. Maka hakim bicara tidak mempunyai asas untuk meminda pertuduhan tersebut kepada satu pertuduhan yang lain.

Alasan kedua

[65] Berkaitan dengan isu SP5 tidak nampak siapa yang meletakkan beg P15 tersebut di 'conveyor belt' dan juga tidak nampak perayu meletakkan beg tersebut di 'conveyor belt' serta kemungkinan terdapatnya beberapa beg lain yang sama saiz, warna dan jenama seperti diakui oleh SP5 dan bahawa perayu telah tersalah ambil beg atau tertukar dengan beg orang lain, hakim bicara yang bijaksana telah membuat dapatan berikut (di ms 155–156, Jld 1, RR):

> [26] Saya dapati pembelaan tertuduh tentang beg P15 tersebut sebenarnya bukan beg beliau dan telah tertukar dengan seseorang tidak boleh dipercayai. Saya dapati keterangan SP5 tentang jawapan tertuduh mengakui beg tersebut beg beliau adalah satu keterangan mengenai tingkah laku yang relevan untuk membuktikan bahawa beg tersebut beg tertuduh. Saya telah mempertimbangkan kemungkinan beg ini tertukar dan saya dapati kemungkinan tersebut tidak berlaku di dalam kes ini. Di dalam keadaan sedemikian saya mendapati beg tersebut adalah beg tertuduh dan pembelaan tertuduh gagal menyangkal anggapan statutori di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang terpakai ke atas tertuduh.

[66] Kami tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk tidak bersetuju dengan dapatan fakta hakim bicara di atas yang disokong oleh keterangan-keterangan yang mantap. Kami juga tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk mengganggu dapatan fakta tersebut di mana hakim bicara telah mendengar dan melihat sendiri saksi-saksi yang relevan memberi keterangan di hadapannya sebelum memperolehi dapatannya.

[67] Pada hemat kami adalah tidak munasabah untuk perayu mengambil beg tersebut di 'conveyor belt' dan menganggukkan kepalanya yang menunjukkan beliau mengakui beg tersebut adalah kepunyaannya apabila ditanya oleh SP5 'is this your bag?'. Seseorang yang munasabah akan meneliti betul-betul beg tersebut sebelum mengambilnya di 'conveyor belt' dan tidak akan dengan mudah mengakui beg tersebut adalah kepunyaannya melainkan benar-benar yakin beg tersebut adalah kepunyaannya.

[68] Tindakan perayu membuka zip beg, mengosongkan isi kandungan beg dan seterusnya membawa beg tersebut untuk diimbas kali kedua memperkuatkan lagi kes pendakwaan bahawa beg tersebut adalah beg kepunyaan perayu dan tidak ada beg lain yang serupa yang telah tersilap ambil oleh perayu. Seorang yang munasabah akan berhenti dengan serta-merta berurusan dengan beg tersebut apabila menyedari beg tersebut bukan kepunyaannya dan terus memprotes itu bukan begnya. Menurut perayu, beliau mengetahui beg tersebut bukan kepunyaannya sebaik membuka beg tersebut dan mendapati pakaian-pakaian di dalam beg tersebut bukan pakaian-pakaiannya, khususnya apabila mendapati ketiadaan tudung, telekung, sejadah dan kain sarung di dalam beg tersebut. Sebaliknya perayu terus mengeluarkan semua barang-barang dalam beg tersebut dan membawa beg tersebut untuk diimbas kali yang kedua seolah-olah beg tersebut adalah kepunyaannya. Beliau sepatutnya memprotes atau memberitahu SP5 bahawa itu bukan begnya.

[69] Selanjutnya ujian acu pakai pakaian-pakaian dari dalam beg tersebut ke atas perayu menunjukkan ia muat elok-elok (*fitted*) dengan saiz badan perayu seperti ditunjukkan dalam gambar-gambar eksh P1(27–41) di ms 339–350, Jld 2, RR. Fakta-fakta ini merupakan keterangan sokongan yang kukuh untuk mengaitkan perayu dengan kepemunyaan beg tersebut.

Alasan ketiga

[70] Memang benar hakim bicara yang bijaksana gagal untuk menyatakan perbuatan atau perbuatan-perbuatan apa di bawah s 2 ADB 1952, yang telah dilakukan oleh perayu dalam mengedarkan dadah berkenaan. Di akhir kes pendakwaan di perenggan 18, ms 151, Jld 1, RR, hakim bicara hanya menyatakan:

> ... Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan saya dapati OKT sedang melakukan perbuatan yang terjumlah kepada perbuatan mengedar dadah berbahaya di bawah s 2, Akta Dadah Berbahaya.

[71] Hakim bicara mengulangi perkara yang sama di akhir kes pembelaan seperti dinukilkan di perenggan 27, ms 156 Jld yang sama.

[72] Persoalannya adakah kegagalan hakim bicara tersebut 'fatal' kepada kes pendakwaan. A

[73] Hakim bicara yang bijaksana telah mendapati dengan bantuan s 37(d) ADB 1952 bahawa perayu mempunyai milikan dan pengetahuan tentang dadah berkenaan dalam beg P15 kepunyaannya. Keterangan juga menunjukkan perayu datang ke negara ini dari negara Thailand dengan membawa dadah yang disembunyikan di dalam begnya, di Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam, melibatkan perbuatan-perbuatan 'concealing, keeping, transporting' dan 'carrying' seperti definisi di bawah s 2 ADB 1952. B C

[74] Dari keterangan yang dikemukakan, nyata pihak pembelaan telah berjaya membuktikan elemen-elemen pengedaran seperti dinyatakan di atas di bawah s 2 ADB 1952 dan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. D

[75] Pada hemat kami, perayu tidak terprejudis dengan kegagalan hakim bicara yang bijaksana untuk menyatakan perbuatan-perbuatan mengedarkan dadah tersebut. Perayu mengetahui inti pati yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan di peringkat kes prima facie dan telah mengolah pembelaannya dengan baik, berpaksi kepada penafian bahawa beg P15 tersebut bukanlah kepunyaannya. Namun pembelaan tersebut ditolak oleh hakim bicara yang bijaksana dan kami bersetuju dengan dapatan tersebut. E

[76] Kami berpuashati bahawa keterangan adalah 'overwhelming' bahawa perayu mengedarkan dadah berkenaan dan dengan mengguna pakai proviso kepada s 60(1) Courts of Judicature Act 1964 serta berpandukan kepada keputusan dalam kes *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 yang memutuskan '... The Court of Appeal was empowered to review or re-evaluate all the evidence adduced by the prosecution, notwithstanding the High Court's decision lacked specific findings and contained no reasons for its findings ...' kami dapati sabitan ke atas perayu adalah selamat. F G

Alasan keempat H

[77] Keterangan SB2 yang menyatakan beg P15 tersebut bukan kepunyaan perayu kerana, antara lain, ketiadaan tudung, telekung dan sejadah, dalam beg tersebut tidak membawa apa-apa kredibiliti kerana perayu sendiri tidak memakai tudung ketika ditahan oleh pegawai-pegawai kastam, seperti ditunjukkan dalam gambar-gambar eksh P1(18–20) di ms 333–335, Jld 2, RR. Gambar-gambar ini diambil pada hari perayu ditangkap, iaitu 3 Ogos 2012. Perayu kelihatan amat canggih dengan gaya terkini tanpa ciri-ciri busana muslimah. I

[78] Perayu menyatakan beliau memang ada membawa beg sendiri dan telah meletakkan beg yang dibawanya di 'conveyor belt' untuk diimbas sesampainya di kompleks tersebut. Jika beg P15 bukan begnya, perayu tidak pula memberi keterangan apa terjadi kepada begnya dan tidak juga membawa pegawai-pegawai kastam yang relevan untuk menunjukkan beg tersebut atau mencari beg tersebut.

[79] Perihal begnya tertukar dengan beg orang lain adalah teras pembelaan perayu. Bagaimanapun isu ini tidak pernah dicadangkan kepada SP5, SP6 dan SP7. Ia timbul pertama kali hanya di peringkat pembelaan. Apa yang ditimbulkan hanyalah begnya bukan beg P15. Dalam keadaan sedemikian ia mengundang tanggapan bahawa pembelaan ini adalah satu 'afterthought' ataupun rekaan oleh perayu semata-mata. Perkara ini telah diambilkira oleh hakim bicara yang bijaksana apabila beliau merujuk kepada perenggan 33, kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151 yang menegaskan kewajipan *(duty)* pihak pembelaan untuk mengetengahkan kesnya di peringkat kes pendakwaan lagi walaupun isu itu tidak dibangkitkan oleh saksi-saksi pendakwaan untuk mengelakkan pembelaan perayu dikatakan rekaan terkini.

KESIMPULAN

[80] Kami mendapati rayuan ini tidak mempunyai sebarang merit untuk mewajarkan campur tangan kami. Dengan itu rayuan perayu ditolak dan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak; sabitan serta hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar